

17 MAY 1997

TELEKOM, NTT METERAI JANJJI USAHA SAMA SISTEM BANGUNAN PINTAR

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Telekom Malaysia dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) hari ini menandatangani perjanjian usaha sama untuk menubuhkan sebuah syarikat yang khususnya tertumpu kepada pembangunan sistem bangunan pintar di Malaysia.

Usaha sama itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohamed Said Mohamed Ali dan Presiden NTT Junichiro Miyazu semasa upacara pecah tanah bandaraya cyber pertama Malaysia, Cyberjaya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merasmikan upacara pecah tanah itu, turut menyaksikan pemeteraian itu.

Syarikat usaha sama itu, yang akan ditubuhkan menjelang akhir bulan depan, akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM11 juta, dengan Telekom Malaysia memiliki 70 peratus kepentingan dan NTT, 30 peratus, Telekom Malaysia berkata di dalam satu kenyataan.

"Syarikat bertujuan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan perkhidmatan sistem bangunan pintar maju (IBS) di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan juga seluruh negara," katanya.

Telekom dan NTT juga berharap membantu dalam membangunkan Cyberjaya sebagai bandar pintar dengan menggunakan kemudahan-kemudahan teknologi maklumat tecanggih di dalam binaan-binaan, katanya.

Cyberjaya, projek pembangunan 2,855ha oleh Cyberview Sdn Bhd, akan menjadi bandar pintar contoh negara di dalam MSC, dibina khusus disesuaikan dengan keperluan industri-industri teknologi maklumat dan multimedia.

MSC adalah sebuah pusat pembangunan multimedia yang terletak di kawasan 15 dengna 50 km merangkumi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), lapangan terbang antarabangsa baru (KLIA) dan pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Di bawah syarat-syarat perjanjian itu, kedua-dua pihak akan berkongsi pengalaman mereka dalam teknologi Asynchronous Transfer Mode Local Area Network (ATM LAN) untuk menyampaikan perkhidmatan multimedia. -- BERNAMA

NI SHY OS